

Retail Buzz

Isu No 2

Suku Ke-2 2016



Caltex Baharu & Diperhebatkan dengan Techron® di lancarkan secara rasmi di stesen - stesen Caltex di seluruh negara mulai dari 5 Mei 2016. Ini menandakan satu lagi pencapaian penting bagi kedua-dua jenama Caltex dan Chevron sebagai sebuah syarikat minyak terkemuka dunia. Sempena ulang tahun ke-80 Caltex di Malaysia, Chevron Malaysia Limited melancarkan "Petrol Caltex Terunggul" dengan kuasa pembersih baru "Clean & Glide Technology™" pada masa yang tepat. Upacara perasmian dan pelancaran produk ini telah berlangsung di Sunway Resort Hotel & Spa, dalam suasana yang meriah. Majlis ini juga telah dihadiri hampir 200 hadirin yang terdiri daripada pihak media, rakan niaga, pemasar berjenama dan kakitangan Chevron Malaysia Limited yang telah bertungkus lumus memastikan "Techron yang Baru & Diperhebatkan" menembusi pasaran seluas mungkin.

Lebih lanjut di muka surat seterusnya...

ENJOY THE JOURNEY  CALTEX

Kata Pengantar Dari GM



Bersama Kita Mencapai Lebih

Rakan Niaga yang Dihormati,

Akhirnya ia menjadi kenyataan! Kita telah berjaya mengendalikan Konvensyen Rakan Niaga 2016 dengan penyertaan tertinggi sebanyak 91% pada bulan Mac lalu. Bukti anekdot sebulat suara bahawa ini adalah 'konvensyen terbaik yang pernah disertai' amat menggalakkan. Kita juga telah melancarkan "petrol terunggul Caltex" dengan kuasa Techron® Baru pada awal bulan Mei. Ia sudah mula mencipta nama dalam media dan pelanggan kita juga amat teruja dengan teknologi terunggul "Clean & Glide".

Pada bulan-bulan yang akan datang, kita akan memberi tumpuan lebih kepada aktiviti gembar-gembur di stesen-stesen di seluruh rangkaian Caltex. Aktiviti - aktiviti menarik termasuk trak berjenama Techron "Lab-On-Wheel" akan membuat lawatan ke stesen-stesen terpilih dan mengadakan aktiviti - aktiviti yang menarik. Promosi dengan rakan kongsi yang kukuh seperti Giant dan Ambank juga akan terus memberi manfaat dan banyak aktiviti lain akan terus menarik para pelanggan.

CSR dan Juruwang Caltex turut menyerlah dengan pemakaian baju biru Techron sempena pelancaran produk baru ini. Keputusan CF juga menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam 3 suku terakhir dengan keputusan terbaru

pada 89.67% . Diharap kita dapat mengekalkan momentum ini dan melebihi sasaran 90% bagi penggal seterusnya.

TERIMA KASIH kepada anda di atas sokongan anda secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan Konvensyen Rakan Niaga 2016 kita menjadi satu kejayaan, tidak ketinggalan juga usaha-usaha anda untuk melonjakkan "Caltex dengan Techron baharu dan diperhebat" ke tahap lebih tinggi. Setiap seorang daripada anda telah menyumbangkan masa, tenaga, idea dan pandangan dalam memastikan kita terus memenangi hati para pelanggan Caltex dan saya amat teruja melihat semangat dan komitmen anda. Saya sarankan agar anda meneruskan perjalanan perniagaan anda dengan selamat dan semangat yang membara.

Sekian

Terima Kasih

Shahid

ENJOY THE JOURNEY



CALTEX

Pelancaran Techron® Serba Baru



Dari muka depan....

Upacara pelancaran dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Shahid Ahmed, Pengerusi Chevron Malaysia Limited. Ini diikuti dengan ucapan oleh Dato' Basaruddin Sadali, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), yang telah memberikan sokongan penuh terhadap inisiatif Chevron yang sentiasa meningkatkan kualiti produk bahan apinya, bagi terus memanfaatkan pengguna. Pelancaran ini diteruskan dengan Pakar Kejuruteraan Produk Chevron Asia Pacific, Greg Engeler yang kemudiannya mengambil alih pentas untuk memberi taklimat kepada para hadirin mengenai penemuan dan maklumat yang didapati daripada ujian makmal bahan api terkini - sememangnya sesi yang bermanfaat untuk rakan media dan rakan-rakan niaga.

Sempena menyambut peristiwa bermakna ini, aktiviti-aktiviti menarik yang menggambarkan ketiga-tiga faedah utama "Techron® baharu dan diperhebatkan" just turut disediakan. Aktiviti-aktiviti ini turut ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan di stesen Caltex yang mengambil bahagian dalam aktiviti 'Turun Padang' di seluruh negara melalui trak berjenama 'Caltex Techron Fun Truck' yang turut dikenali sebagai 'Techron Lab-On-Wheels'. Setakat ini, teknologi "Clean & Glide" telah meraih lebih 30 keratan akhbar (dalam talian dan media cetak) dan terus berkembang di ruang media sosial.

Konvensyen Rakan Runcit 2016



Bertemakan **"Together Everyone Achieves More"** yang dicipta dari akronim **"TEAM"** Konvensyen Rakan Niaga 2016 telah berjaya diadakan di hotel bertaraf lima bintang, Meritus Pelangi Beach Resort & Spa, Langkawi dari 28 Mac - 30 Mac, 2016. Acara ini membawa bersama lebih daripada 480 peserta yang terdiri daripada rakan-rakan niaga Caltex, Branded Marketers dan kakitangan-kakitangan Chevron. Ia menjadi satu platform yang amat sesuai untuk mengukuhkan dan meningkatkan kerjasama yang sedia ada antara rakan niaga Caltex dan Chevron, yang telah dipupuk sepanjang tempoh lapan dekad yang lalu. Penceramah-penceramah dari seluruh organisasi yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan sokongan berterusan dari kepada segmen runcit telah berkongsi maklumat terkini, prestasi syarikat dan aktiviti-aktiviti menarik yang telah di sediakan untuk masa hadapan dengan rakan niaga kami. Sesi pembentangan dan perkongsian maklumat ini kemudiannya diteruskan dengan aktiviti **"teambuilding"** di tepi pantai. Ini mengukuhkan lagi hubungan di kalangan rakan-rakan niaga dan pasukan Chevron, sekaligus meningkatkan keyakinan bahawa perniagaan bersama ini akan berkembang walaupun keadaan industri yang bergelora. Majlis makan malam barbeku santai berlatarbelakangkan matahari terbenam yang indah mengakhiri majlis tiga hari dua malam ini. Ribuan terima kasih kepada rakan-rakan niaga kami dan semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyokong usaha kita bersama untuk mengembangkan perniagaan, memberi khidmat pelanggan yang baik dan maju ke hadapan bersama-sama, ke arah kejayaan yang lebih besar - selaras dengan tema tahun ini.

Program Insentif KFC



ANNYS SERVICE STATION



KIAN LEE & SONS



NYC SERVICE STATION



SHODA NIAGA



CAA SERVICE STATION



LEE HUAT & CO



RAHANG PETROLEUM



SYARIKAT BUMI EMAS



GAMMASTAR



MOSAT MANAGEMENT SERVICES



RAYYEN ENTERPRISE



SYARIKAT BUMI EMAS



GYAYA SERVICE STATION



HAISMA ENTERPRISE



SH LEE ENTERPRISE



TELUK AIR TAWAR SERVICE STATION

Program insentif "Konsisten" & Friendly Challenge (KFC) untuk CSR dan Juruwang berakhir secara rasmi pada 31 Mac 2016. Program yang dilancarkan pada suku terakhir 2015 untuk bulan Oktober hingga Disember terus dilanjutkan ke suku pertama 2016 selepas melihat ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan stesen sebagai program yang mudah dan ringkas lagi berkesan untuk memberi ganjaran kepada CSR dan Juruwang. Program yang memberi ganjaran berdasarkan stesen mencapai 100% dalam Program CF, melihat lebih 100 stesen mendapat manfaat daripada inisiatif ini. Skor CF keseluruhan dalam tempoh ini juga telah naik dan kita mencapai skor tertinggi sepanjang tempoh program ini. Rakan Niaga, Branded Marketers bersama-sama dengan RBC mereka mengambil peluang untuk meraikan kejayaan dengan CSRs dan Juruwang dengan menggandakan ganjaran dan menyediakan hidangan tambahan kepada kakitangan-kakitangan stesen. Mereka yang menang berulang-kali turut mengambil peluang untuk membelanja kakitangan dengan hidangan berbeza seperti Pizza atau kegemaran tempatan yang lain. Diharap stesen terus bermotivasi dan menjayakan program-program ganjaran seperti ini.

Perhatikan program yang lebih menarik tidak lama lagi...

Melalui Kanta & Media

Pelancaran Techron® Baharu Dan Diperhebatkan



Melalui Kanta & Media

Konvensyen 29 Mac 2016



Melalui Kanta & Media

“Teambuilding” ala Amazing Race 29 Mac 2016



Melalui Kanta & Media

Majlis Makan Malam BBQ 29 Mac 2016



Seterusnya....

Setengah tahun kedua 2016 akan menjadi lebih menarik - sebagai persediaan untuk menarik lebih ramai pelanggan dan membina jenama Caltex, pelbagai aktiviti telah dirancang. Teruslah menjadi sebahagian daripada program-program yang menarik ini dan ambillah kesempatan ini untuk memanfaatkan kepada stesen anda:

- Program insentif yang lebih mantap
- Pengeluaran mata ganjaran Journey Card untuk Diesel
- Lebih banyak promosi nasional dan tempatan (LSM)
- Lebih banyak promosi Journey Card

**Untuk Sebarang Pertanyaan Sila
Hubungi Kami Di emel :
askcaltexmy@chevron.com**

Salinan ini adalah untuk rujukan anda sahaja dan tidak boleh diedarkan tanpa pengetahuan terlebih dahulu daripada Chevron Malaysia Limited. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk dengan salinan atau dengan cara elektronik atau mekanikal termasuk penyimpanan atau sistem dapatan semula, tanpa kebenaran bertulis daripada Chevron Malaysia Limited. Hak Cipta Terpelihara.